



17-22 SEPTEMBER 2018
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

www.cepsi2018kl.org



**TENAGA
NASIONAL**

Better. Brighter.

SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/08/47 (HQ)

TNB TAWAR INSENTIF KHAS SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

Tenaga Nasional Berhad (TNB) sekali lagi menawarkan insentif khas sempena sambutan hari Kebangsaan tahun ini bagi menggalakkan pengguna komersial menerangi bangunan dan kawasan persekitaran masing-masing dengan lampu hiasan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-61.

Insentif yang diberikan sejak tahun 2000 ini diberikan kepada semua pengguna perdagangan di bawah tarif B, C1 dan C2, untuk tempoh dua bulan iaitu Ogos dan September 2018. Ia melibatkan bangunan pencakar langit, bangunan pejabat, kompleks komersial, kompleks membeli-belah, hotel serta stesen minyak.

Kadar insentif adalah 20.8 sen/kWh (kadar tarif Neon & Floodlight) bagi jumlah peningkatan penggunaan tenaga elektrik yang melebihi purata kegunaan tiga bulan yang diambil dari bulan Mei, Jun dan Julai 2018.

Para pengguna yang layak boleh mendapatkan borang permohonan di semua pejabat Pengurus Zon/Sub-Zon TNB yang berhampiran atau melalui *myTNB Self Service Portal*, www.mytnb.com.my. Tarikh tutup permohonan ialah pada 15 September 2018.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 8 Ogos 2018, jam 10.00 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau E-mel ke media@tnb.com.my*